




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PADA 2 SEPTEMBER 2022**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/ MASA & TEMPAT LAWATAN TAPAK
SH/ SUKNS/ BIL.22/ 2022	Kerja-Kerja Menaik Taraf Kemudahan Bilik Senjata Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kompleks Lapang Sasar Menembak Mantin, Negeri Sembilan Darul Khusus  <i><b>PERINGATAN: Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.</b></i>	Kelas : G1  Kategori : B  Pengkhususan: B04	RM 30.00 setiap satu borang	<b>7 September 2022 (Rabu)</b>  <b>10.00 pagi</b>  <b>Kompleks Lapang Sasar Menembak Mantin, 71700 Mantin, Negeri Sembilan</b>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **7 September 2022 (selepas sesi taklimat) hingga 13 September 2022** pada waktu pejabat (**9.00am – 4.00pm**) di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebut harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 14 September 2022 (Rabu).** Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.